

**NO. SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW**

**TARIKH : 16 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9795**

**SOALAN:**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keadaan jenayah siber di Malaysia dan langkah-langkah bagi mencegahnya.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian sedar dan peka kepada trend jenayah masa kini terutamanya peningkatan kes-kes jenayah siber dan penipuan melalui Internet. Fenomena ini bukan hanya berlaku di Malaysia sahaja tetapi berlaku di seluruh dunia memandangkan urusan atas talian telah menjadi medium utama masyarakat pada masa ini dalam semua urusan harian dan perniagaan.**

**Bagi mempertingkatkan keberkesanan dalam membanteras jenayah siber daripada terus berleluasa, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengadakan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Cyber Security Malaysia (CSM), Agensi Penyedia Rangkaian Internet dan agensi-agensi lain. PDRM turut mendapatkan kerjasama daripada penyedia aplikasi seperti *Google, Facebook, Twitter* dan agensi penguatkuasa luar negara.**

**Statistik PDRM menunjukkan sebanyak 11,186 kes jenayah siber pada tahun 2016 melibatkan kerugian sebanyak RM 212,820,115.84 berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 9,085 kes dengan kerugian sebanyak RM179,273,200.00. Peningkatan kes dan kerugian yang ketara ini menunjukkan bahawa jenayah siber merupakan satu ancaman besar kepada negara.**

**PDRM sentiasa berusaha untuk mencegah kes-kes seumpama ini daripada terus berleluasa dan antara usaha-usaha yang telah dilakukan adalah seperti berikut:**

- i. membuat pindaan bagi memantapkan lagi Akta-akta sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Kanun Acara Jenayah dan lain-lain akta yang berkaitan selaras dengan perkembangan masa kini; dan**
- ii. mengadakan kempen-kempen kesedaran seperti Kempen “*Be Smart* Jangan Jadi Mangsa Jenayah Siber” kepada masyarakat agar mereka tidak terlibat atau terpedaya dan menjadi mangsa jenayah siber seperti yang dihebahkan melalui media massa dan media sosial.**